

Headline	Daun cucur atap ramuan antigout		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	16	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD. AZLI ADLAN	AdValue	RM 8,779
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,338



Penyelidik FRIM hasilkan produk berasaskan bahan semula jadi di pesisir pantai

# Daun cucur atap ramuan antigout

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**SETIU** - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya menghasilkan produk antigout daripada pati daun pokok cucur atap yang banyak terdapat di pesisir pantai di Pantai Timur. Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, produk Goutree dalam bentuk kapsul dan cecair penyembur itu merupakan hasil penyelidikan pihaknya sejak lapan tahun lalu.

Beliau berkata, minyak daripada pati daun pokok cucur atap telah digunakan secara tradisional oleh masyarakat Melayu bagi meredakan senggugut,



ABDUL LATIF (tiga dari kiri) menunjukkan produk antigout yang menggunakan pati daun pokok cucur atap pada majlis prapelancongan produk Goutree di Stesen Penyelidikan FRIM di Setiu semalam.

kembung perut, sembelit, sakit belakang dan didakwa mengurangkan kadar gula dalam darah.

"Kajian saintifik yang

dilakukan FRIM mendapati pati daun pokok berkenaan mengandungi enzim yang mampu menghalang pengumpu-



INILAH pokok cucur daun atap.

lan asid urik pada sendi tulang yang menjadi punca kepada penyakit gout.

"Pengkomersialan produk Goutree berasaskan pati daun cucur atap ini meliputi kapsul untuk makanan tambahan dan cecair penyembur sebagai agen meredakan kesa-



PRODUK antigout dihasilkan dalam bentuk kapsul dan cecair penyembur.

kitan radang sendi akibat gout," katanya pada majlis prapelancongan produk Goutree di Stesen Penyelidikan FRIM Setiu, Bari Besar dekat sini semalam.

Turut hadir Pengarah Bahagian Bioteknologi Perhutanan FRIM, Datuk

Dr. Marzalina Mansor.

Abd. Latiff berkata, pokok cucur atap yang merupakan spesies herba biasa ditemui di kawasan berpasir di pesisir pantai di Pantai Timur dan pesisiran pantai berpasir Terengganu yang seluas 65,000 hektar.

Menurut beliau, FRIM sedia bekerjasama dengan kerajaan negeri Terengganu untuk mengkomersialkan produk Goutree berasaskan pati daun cucur atap itu sebagai sumber pendapatan baharu menjana ekonomi.

"Perusahaan berskala besar dijangka turut memberi manfaat besar kepada penduduk setempat kerana buat masa ini sekilogram ekstrak daun cucur atap dianggarkan berharga RM600," katanya.